



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 5/2022**

SEMAKAN STATUS “MELAYU” SYARIKAT ATAU BADAN KORPORAT BAGI URUSAN YANG MELIBATKAN TANAH RIZAB MELAYU TERMASUK YANG TELAH DISENARAIKAN DI DALAM JADUAL KETIGA, SEKSYEN 7, ENAKMEN RIZAB MELAYU NEGERI SEMBILAN.

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai semakan status “Melayu” syarikat atau badan korporat bagi urusan yang melibatkan Tanah Rizab Melayu termasuk yang telah disenaraikan di dalam Jadual Ketiga, Seksyen 7, Enakmen Rizab Melayu Negeri Sembilan.

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) pada 9 Mac 2022 [MMKN 143/PARA/44/MINIT II] telah mengambil keputusan bersetuju Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah perlu membuat semakan pemilikan syarikat setiap urusan niaga untuk memastikan pemilikan syarikat mematuhi syarat Enakmen Rizab Melayu iaitu pemilik adalah “Melayu” walaupun telah tersenarai dalam Jadual Ketiga, Seksyen 7, Enakmen Rizab Melayu Negeri Sembilan.

3. Pelaksanaan

- 3.1. Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) dan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) perlu membuat **semakan status “Melayu”** syarikat atau badan korporat bagi semua urusan yang melibatkan Tanah Rizab Melayu walaupun telah disenaraikan di dalam **Jadual Ketiga**, Seksyen 7, Enakmen Rizab Melayu berdasarkan tafsiran “Melayu” sebagaimana yang ditetapkan oleh Enakmen Rizab Melayu Negeri Sembilan.
- 3.2. Sekiranya syarikat atau badan korporat tersebut **bukan** berstatus “Melayu” atau **tidak lagi** berstatus “Melayu” maka PTG atau PTD **tidak boleh** memproses permohonan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun dalam urusan urusan pindahmilik tanah, sekiranya hanya penerima pindah milik berstatus “Melayu” maka permohonan tersebut boleh diproses.
- 3.3. Semakan status “Melayu” hendaklah dibuat **sebelum sesuatu permohonan didaftarkan** secara rasmi. Semakan hendaklah dibuat melalui dokumen-dokumen berikut:
 - a) Syarikat : (i) Profail Syarikat (Superform) yang dicetak daripada system myData atau e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah diakui sah oleh SSM pada setiap muka surat bercetak
 - (ii) *Memorandum and Articles of Association* beserta pindaan (sekiranya ada)/ *Constitution* yang telah diakui sah oleh SSM pada setiap muka surat bercetak

b) Pertubuhan/ : Undang-Undang Kecil yang disahkan oleh
Persatuan Pendaftar Pertubuhan

c) Koperasi : Undang-Undang Kecil yang disahkan oleh
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

3.4. Dokumen-dokumen pengesahan seperti di para 3.3 hendaklah **disediakan dan dikemukakan oleh pemohon semasa membuat permohonan.**

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh 25 Februari 2022

Rujukan : Bil (61) dlm. PTGNS.10/17 klt.3